

# buletin Selayangku Sayang

BIL 3 | 2012

EDARAN PERCUMA



## Program Khas MB Selangor “JELAJAH TERIMA KASIH RAKYAT”

**PROGRAM** Khas Terima Kasih Rakyat (PKTKR) untuk Daerah Gombak telah diadakan pada 6 Julai 2012.

Dalam ucapan di Majlis Dialog bersama penjawat awam, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor menyeru agar mutu dan sistem penyampaian perkhidmatan dipertingkatkan dengan melakukan perubahan paradigma dan inovasi. Perubahan perlu dilakukan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat diutamakan.

Program kedua ialah majlis dialog bersama orang awam di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak. Ianya memberi peluang kepada penduduk Gombak untuk menyampaikan sebarang pandangan, masalah dan aduan secara terus.

Solat Jumaat telah disempurnakan di Masjid

At-Taqwa, Selayang Baru. Selepas solat Jumaat, jamuan rakyat telah diadakan yang melibatkan Y.A.B Dato' Menteri Besar bersama rakyat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor seterusnya telah menyampaikan insentif Skim Mesra Usia Emas, sumbangan kepada Pusat Wanita Berdaya, penyampaian Sijil ASB dan penyampaian insentif TAWAS.

Penyampaian tersebut berlangsung di Program Pelancaran Geran Selangorku di Dewan MPS Taman Berjaya, Gombak.

Pada sebelah petang program Sukan Rakyat turut diadakan di Padang Taman Greenwood. Pada petang ini juga telah diadakan Majlis Pelancaran Senam Sihat Negeri Selangor. Bagi mengeratkan lagi hubungan dengan

rakyat, satu pertandingan tarik tali turut diadakan yang melibatkan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

Program terakhir adalah Jamuan Makan Malam Rakyat yang diadakan di Padang Kg. Setia, Kuang. Y.A.B. Dato Menteri Besar telah bersama-sama rakyat dalam menikmati jamuan serta beramah mesra sambil menikmati persembahan pentas.





## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Dato' Zainal Abidin bin Aala | ydp@mps.gov.my  
Tuan Mohamad Zain bin A Hamid | zain@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin Bin Masoad | zin@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak | ahmad\_fauzi@mps.gov.my  
En. Azhar bin Che Salleh | azhar\_salleh@mps.gov.my

### PENGARANG

Puan Hajah Jamaliah Bt. Ahmad | jamaliah@mps.gov.my  
Pn. Nor Masliawaty Asmawar binti Baharuddin  
masliawaty@mps.gov.my

### JURUFOTO

Cik Anissapinah bt. Mohd Dan | anis@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

#### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selangor  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selangor  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada

#### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selangor  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selangor  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

**TERLEBIH** dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan barisan Exco Kerajaan Negeri ke Daerah Gombak dalam program Terima Kasih Rakyat Daerah Gombak. Sesungguhnya, kehadiran YAB Dato' Menteri Besar serta barisan kepimpinan kerajaan negeri ke daerah ini memberi peluang bersua muka serta menerima hasrat, pandangan selain keluhan penduduk dan rakyat di daerah ini.

Dalam menongkah arus permodenan negara, pelan perancangan yang strategik turut dilaksanakan oleh MPS dalam memenuhi keperluan semasa dan permintaan terhadap penyediaan perkhidmatan yang cemerlang. Seperti PBT yang lain, MPS memiliki zon-zon yang telah diwartakan sebagai zon komersial, zon sejarah, zon perancangan, zon industri dan zon perumahan.

Melalui kaedah pengezonan semula guna tanah perumahan kepada perniagaan telah memberi peluang kepada kewujudan premis perniagaan. Hampir 80% premis di zon komersial ini adalah premis yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Kebenaran pengezonan semula ini akan meringankan tekanan ke atas pembangunan ruang perniagaan baru. Pembangunan kawasan perniagaan baru seperti kawasan berhampiran Hospital Sungai Buloh dan Koridor Guthrie akan memberi peluang kepada pengukuhan kemudahan asas seperti jalan raya, tempat letak kenderaan, kebersihan dan pemuliharaan alam sekitar.

MPS akan terus merancang untuk mewujudkan perkembangan perbandaran yang lebih baik dengan mengambilkira aspek kehijuan dan keceriaan persekitaran melalui penyediaan dan pemeliharaan kawasan perancangan. Antaranya Kuil Batu Caves sebagai pemangkin perancangan yang dikenali di serata dunia, Pusat Penerangan Perancangan (TIC) MPS, Hutan Lipur Komenwel, Hutan Lipur Sg. Kanching, FRIM, Hutan Lipur Templer dan yang terbaru adalah Tasik Biru Kundang.

MPS telah menerima peruntukan geran MARRIS yang berjumlah RM11.9 juta. Geran ini terbahagi kepada dua fasa di mana untuk fasa pertama berjumlah RM5.92 Juta yang melibatkan 75 sebutbarga sedang dilaksanakan.

Manakala peruntukkan fasa kedua adalah sebanyak RM5.93 juta yang melibatkan 49 sebutbarga yang meliputi kerja-kerja menurap, melebar dan menaik taraf jalan, kerja-kerja membina longkang, baik pulih tembok dan sebagainya.

Selain itu, MPS juga turut menerima Geran Selangorku dari pihak kerajaan Negeri Selangor yang berjumlah RM2.3 juta. Ianya meliputi kerja-kerja menaiktaraf jalan dan longkang. Keutamaan diberi kepada kawasan yang "flood prone", tumpuan awam dan keselamatan.

Akhir sekali saya menyeru kepada seluruh warga kerja MPS untuk terus meningkatkan komitmen dan integriti perkhidmatan selaras dengan keperluan semasa bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat terjamin.

### DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA

( D.P.M.S., K.M.N., S.M.S., A.M.N., A.M.S., P.J.C.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selangor

## SAMBUTAN

# AIDIL FITRI MERIAH

**SAMBUTAN** Aidil Fitri MPS telah diadakan pada 30 Ogos 2012 bersamaan 12 Syawal 1433H bertempat di perkarangan ibu pejabat MPS.

Dalam ucapan aluannya, Dato' YDP berharap program ini akan mendekatkan MPS dengan penduduk khususnya dalam meraikan perayaan. Beliau turut memuji semangat kerjasama jabatan-jabatan di MPS dalam usaha menjayakan sambutan Aidil Fitri ini.

Di samping pelbagai juadah, para tetamu turut disajikan dengan pelbagai acara seperti cabutan bertuah, acara untuk kanak-kanak dan pertandingan karaoke.



Imbas QR code ini lebih banyak gambar sambutan Rumah Terbuka MPS



## INFO ZON BERSIH KARNIVAL KOMUNITI TINGKAT KERJASAMA



**PROGRAM** Karnival Komuniti Zon Bersih 2012 MPS ini telah diadakan pada 30 September 2012 di Bandar Country Homes, Rawang.

Karnival ini dirasmikan oleh YB Gan Pei Nei, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Kawasan Rawang.

Tujuan karnival ini diadakan adalah untuk melibatkan masyarakat sekitar dan komuniti untuk berinteraksi dan menggalakkan lagi

semangat bekerjasama dengan matlamat untuk mewujudkan satu suasana persekitaran yang bersih dan nyaman di kawasan ini.

Pengisian program adalah senamrobik, penyerahan sebanyak 200 anak pokok kepada wakil komuniti Bandar Country Homes, gotong royong pembersihan iklan dan pelekat haram, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan pakaian kitar semula dan beberapa acara sukaneka serta cabutan

bertuah.

Sudut pameran diisi dengan pameran kitar semula oleh pihak Tzu Chi Foundation, pameran cegah jenayah oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan juga pameran denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah Gombak.



## Majlis Dialog **BAJET SELANGOR TAHUN 2013** di MPS

**MAJLIS** Dialog Bajet Selangor Tahun 2013 Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan di MPS pada 23 Julai 2012 di Dewan Keraian Tingkat 8, Menara MPS.

YB Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan telah merasmikan majlis dialog tersebut.

Seramai 110 peserta terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan Daerah, NGO, Jawatankuasa Keselamatan Kampung(JKKK), Jawatankuasa Penduduk(JKP), PeBT, wakil OKU dan Persatuan Peniaga telah hadir untuk memberi input.



► **SAMBUTAN HARI MERDEKA.** Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Ke 55 peringkat MPS telah diadakan pada 30 Ogos 2012. Sambutan diadakan serentak dengan Majlis Aidil Fitri.

## Majlis Penyerahan **SUBSIDI SEWAAN** Penduduk Setingan



**MAJLIS** Penyerahan Subsidi Sewaan kepada penduduk setingan yang ditempatkan di Projek Kos Rendah Taman Selasih telah diadakan pada 13 Ogos 2012 di Lobi Menara MPS.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Timbalan YDP MPS. Seramai 55 keluarga terlibat dalam bayaran penyelesaian ini. Bayaran sebanyak RM12,500 sekeluarga diberi kepada 38 keluarga dari Kg Selasih (In Situ) dan Kg. Selasih Fasa 2, manakala bayaran sebanyak RM 8,000 sekeluarga pula diberi kepada 33 keluarga dari Kg Banjar.

## Majlis TADARUS AL-QURAN DAN MAJLIS BERBUKA PUASA MPS.

**MAJLIS** Berbuka Puasa MPS telah diadakan pada 2 Ogos 2012 bersamaan 13 Ramadhan 1433.

Majlis dimulakan dengan Tadarus Al-Quran yang diadakan pada sebelah pagi dan Majlis Khatam Al-Quran pada sebelah petang. Seramai 62 orang kakitangan telah mengambil bahagian dalam program ini yang diadakan di

Surau, Tingkat 8, MPS.

Majlis Berbuka Puasa diisi dengan penyampaian sumbangan kepada 18 orang anak-anak yatim kakitangan dan ibu-ibu tunggal.

Solat Isyak berjemaah dan Solat Terawih telah turut disertai Dato' YDP, Tim. YDP, Ahli-Ahli Majlis dan seramai 150 kakitangan.



## PERHIMPUNAN BULANAN MPS dan Ceramah Syawal

**PERHIMPUNAN** bulan Ogos telah diadakan pada hari Rabu bersamaan 15 Ogos, 2012 bertempat di Lobi Menara MPS.

Pengisian dalam perhimpunan kali ini ialah ceramah sempena sambutan Syawal yang disampaikan oleh Ustaz Zulkifli bin Jamil dari Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah (SAMTAJ) Shah Alam.



Imbas kod QR ini untuk maklumat fadhilat dan kelebihan bulan Ramadhan



► **KACAU BUBUR LAMBUK.** Majlis pengagihan bubur lambuk kepada setiap pekerja MPS telah diadakan pada 8 Ogos 2012. Dato' YDP turut serta dalam acara tersebut.

# TINGKATKAN TAHAP INTEGRITI



**DATO** YDP menyatakan untuk meningkatkan komitmen dan prestasi kakitangan banyak berkait rapat dengan tahap integriti seseorang pegawai. Integriti seseorang bukan sahaja diukur kepada tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah, tetapi merangkumi kesanggupan kakitangan memikul tanggungjawab tanpa mengira masa, tenaga dan tempat. Selain itu, kita perlu prihatin dan peka dengan kehendak pelanggan dan masyarakat keseluruhannya. Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPS 2011 di Lobi Menara MPS pada 16 Julai 2012.

“Kita semua sedar dan yakin bahawa kerja dengan gigih, cekap dan cemerlang serta berproduktiviti tinggi adalah teras ke arah penjawat awam yang mempunyai minda kelas pertama yang cemerlang. Justeru itu, dengan usaha-usaha murni dan penambahbaikan yang ada perlu kita selaraskan agar ia menjadi resepi ke arah pemantapan kerja harian kita” tambah beliau.

Seramai 67 penerima APC telah menerima sijil di samping wang tunai RM1,000 merupakan acara tahunan MPS sebagai tanda penghargaan kepada semua kakitangan yang telah menjalankan tugas dengan penuh komited, berdedikasi dan bertanggungjawab.

Pada majlis ini juga penghargaan turut diberi kepada kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun. Bagi kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun dan menerima APC, mereka akan diberi insentif Sijil Simpanan Premium sebanyak RM2,000 setiap seorang.

Penghargaan juga turut diberikan kepada anak-anak kakitangan yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah(UPSR), Penilaian Menengah Rendah(PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM).



Imbas kod QR ini dengan telefon pintar anda untuk lebih banyak gambar!



## PENGANUGERAHAN SIJIL 5S

MPS telah berjaya mendapatkan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (APB) 5S.

Dato' Mohd Razali bin Hussain, Ketua Pengarah MPC telah menyampaikan pensijilan tersebut kepada Dato' YDP bersempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS Bagi Tahun 2011.



Dengan pensijilan tersebut, MPS perlu memastikan pelaksanaan APB 5S adalah berkekalan dan berterusan.

## AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2008 Oleh SIRIM QAS International



**PASUKAN** Audit SIRIM telah melaksanakan Audit Pemantauan (Surveillance Audit) pada 23-24 Julai, 2012.

Tujuan audit diadakan adalah bagi menilai dan mengesahkan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut keperluan standard MS ISO 9001:2008 dan sebarang perubahan tindakan susulan laporan/penemuan audit terdahulu.

Pasukan Audit SIRIM diketuai oleh Tengku Aidil Alhaj Tengku Amiruddin selaku Ketua Pasukan Audit dan 3 orang Ahli Pasukan Audit.

Hasil audit tersebut mendapati hanya terdapat 16 OFI yang perlu diberi pembetulan dan penambahbaikan.

## DUA PASUKAN KE KONVENSYEN KIK PERINGKAT NEGERI SELANGOR

**KONVENSYEN** Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor Bagi Sektor Awam Tahun 2012 telah diadakan pada 9-11 Julai, 2012 di Auditorium, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.



MPS telah menghantar 2 pasukan bagi konvensyen pada tahun ini di mana kedua-dua kumpulan adalah bagi kategori pengurusan. Kumpulan Una Voce, Bahagian Undang-Undang membawa projek "Penggunaan Buku Barkod Untuk Kesalahan Undang-Undang Kecil" manakala kumpulan Sharp Target, Jabatan Kejuruteraan dengan projek "Kelewatan Proses Penyelenggaraan Aset Alih."



Sebanyak 15 kumpulan yang bertanding bagi kategori pengurusan yang terdiri daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan di dalam Negeri Selangor

## Una Voce Dan Sharp Target MENANG ANUGERAH EMAS

**PASUKAN** Una Voce dan Sharp Target telah berjaya merangkul Anugerah Emas di Konvensyen KIK anjuran MPC peringkat Wilayah Utara. Konvensyen tersebut telah diadakan di Hotel Equatorial Pulau Pinang pada 18 - 19 Julai 2012.

Konvensyen tersebut telah disertai sebanyak 78 pasukan KIK sektor kerajaan dan swasta.

Kumpulan Una Voce telah berjaya untuk disenaraikan ke Konvensyen KIK peringkat kebangsaan 2012 yang akan diadakan pada 15 - 17 Oktober 2012 di Kuala Lumpur Convention Center.



## PERANGKAP MINYAK TINGKAT KEBERSIHAN

**BAGI** meningkatkan kesedaran kepada pengusaha gerai tentang penggunaan perangkap minyak, MPS telah mengadakan satu taklimat di Pusat Konvensyen Ideal, Prima Selayang pada 3 Julai 2012.

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Timbalan YDP dalam ucapannya berkata, sejak Julai tahun lalu, KPKT telah membekalkan perangkap minyak yang bernilai RM2.6 juta kepada 413 gerai.

Taklimat pada majlis tersebut telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran, Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kesihatan MPS, dan perunding Jurutera Perunding MM Sdn Bhd dan BIO GP Sdn Bhd.

Antara topik yang dibincangkan adalah program "River Of Life", konsep perangkap minyak, cara menghantar minyak ke pusat pengumpulan, pengalaman DBKL dalam menangani isu-isu perangkap minyak di Kuala Lumpur dan peraturan pada perangkap minyak.

Lebih daripada 400 pengusaha gerai di kawasan telah MPS menghadiri taklimat ini.



## BENGGEL FAIL MEJA

**BENGGEL** Fail Meja telah diadakan pada 12 – 13 Julai 2012 di Perangsang Templer Golf Club, Rawang.

Tujuan diadakan bengkel ini adalah untuk memberi penerangan yang lebih terperinci mengenai penyediaan fail meja serta memahami kepentingan penyediaan fail meja yang betul dan bersistematik.

Seramai 45 orang peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada Ketua Kerani dan seorang pembantu tadbir setiap jabatan.

Penceramah yang dijemput untuk

mengendalikan bengkel ini adalah En. Md Noh Bin Baba dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



## KEMPEN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI KAMPUNG



**PIHAK** Majlis dalam pelaksanaan kempen kutipan cukai taksiran bagi kawasan kampung terpilih bermula 1 Julai Hingga 31 Disember 2012.

Majlis pelancaran bagi kempen tersebut telah dilakukan Dato' YDP pada 7 Julai 2012 bertempat di Lobi Menara MPS.

Beliau menyatakan kutipan perlu dilakukan bagi memastikan urusan perkhidmatan perbandaran, pembangunan sosial dan ekonomi serta sumber kewangan yang baik untuk menjamin bekalan perkhidmatan terutamanya pemungutan sampah dan pembersihan.

Kaunter bayaran bergerak dibuka setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad. Cukai taksiran yang dijelaskan dalam tempuh tersebut akan diberikan potongan ataupun pengecualian ke atas caj dikenakan (denda) dan juga waran tahanan.

Kempen ini diadakan bagi tujuan kutipan tunggakan cukai taksiran berjumlah RM5 juta di kawasan tersebut.

Terdapat 24 kampung yang disenaraikan untuk kempen ini.



## RM130,000 HASIL PERMIT BAZAR RAMADHAN 2012

**SEBANYAK** RM130,000 berjaya dikutip hasil jualan permit Bazar Ramadhan untuk tahun 2012. Ianya hasil dari jualan sebanyak 1,052 petak yang telah berlangsung sepanjang Ramadhan.

MPS telah menyediakan petak niaga merangkumi sembilan buah bazar di empat kawasan iaitu Rawang, Selayang, Gombak dan Kepong Untuk Rawang, lokasi bazar adalah di Bandar Rawang dan Bandar Country Homes (Fasa 9). Selayang di Selayang Utama, Kg Nakhoda dan Taman Ehsan. Gombak di Taman Samudera, Gombak Setia dan Taman Batu Caves. Manakala Kepong

di Kg Melayu Sg Buloh.

Peniaga yang telah diluluskan permit tapak perniagaan hanya dikenakan bayaran sebanyak RM130 untuk satu petak. Manakala untuk 2 petak tapak bazar pula adalah sebanyak RM242. Bayaran yang dikenakan pihak MPS ini merangkumi apron, topi dan juga insuran.

Peniaga bazar Ramadhan juga diwajibkan untuk memiliki sijil kursus pengendalian makanan bagi pemohon dan pembantu selain pengesahan pemeriksaan kesihatan serta suntikan Typhoid IV.



◀ Kumpulan Lantikan Baru Sesi September 2012

## *Selamat Bertugas* KAKITANGAN LANTIKAN BARU MPS (JULAI - SEPTEMBER 2012)

**SERAMAI** 92 kakitangan lantikan baru telah pun mendaftarkan diri pada bulan Julai sehingga September 2012.

Lantikan tersebut meliputi 5 orang Kumpulan A, 13 orang dari Kumpulan B, 50 orang dari Kumpulan C dan 24 orang dari Kumpulan D.

Kakitangan baru telah diperkenalkan dalam setiap perhimpunan bulanan MPS. Selain itu, mereka juga telah melafazkan Aku Janji sebagai penjawat awam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat.

Tahniah dan diharap sedia bekerjasama untuk menjalankan dan memberi komitmen untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dengan sebaik-baiknya.

▶ Kumpulan Lantikan Baru Sesi Julai 2012



Imbas kod QR ini untuk senarai penuh lantikan baru MPS sesi Julai- September



## OPERASI BANNER HARAM

**OPERASI** yang melibatkan 24 Zon Ahli Majlis telah dirasmikan oleh Dato' YDP di Taman Perindustrian KIP, Kepong.

Seramai 100 orang anggota terlibat dalam operasi yang melibatkan 12 jabatan dan 24 Ahli Majlis dari setiap zon. Lokasi bagi operasi ini melibatkan seluruh kawasan Majlis Perbandaran Selayang.

Hasil daripada operasi yang dijalankan, sebanyak 6500 unit banner dan bunting telah diturunkan dalam tempoh 3 jam.



## OPERASI LESEN

**MPS** melalui Jabatan Perlesenan telah mengarahkan sebuah bengkel membuat alat ganti kereta berlokasi di Jalan DA/1 Kampung Desa Aman ditutup serta merta. Tindakan ini diambil ekoran aduan penduduk setempat tentang masalah habuk dan bunyi bising. Selain arahan tutup, lesen bengkel juga ditarik balik dan sitaan turut dibuat ke atas barangan di bengkel tersebut.

**MPS** turut menarik balik lesen sebuah bengkel kaca di Jalan DA/6 selepas sistem saluran air buangan dan aliran udara yang dibuat tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.



## PROGRAM BAZAR RAMADHAN KEMPEN PASAR BERSIH 2012

**DATO'** YDP telah merasmikan program "Bazar Ramadhan 2012" dan juga "Kempen Pasar Bersih Ramadhan 2012" anjuran MPS dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 4.

Program yang bermula pada pukul 4.30 petang di Tapak Bazar Ramadhan Zon 4 Bandar Baru Selayang berobjektif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan peniaga-peniaga tentang kepentingan kebersihan dalam pengendalian makanan serta kawasan sekitar tapak jualan masing-masing.

Pada program itu juga, Dato' YDP bersama Tuan A. Murugesu, Ahli Majlis Zon 4 telah mengedarkan plastik-plastik sampah serta apron kepada para peniaga.



## TURUN PADANG BERSAMA OKU

**KEMENTERIAN** Pengangkutan telah mengadakan audit bagi projek menaiktaraf perhentian bas di MPS pada 19 Julai 2012. Ianya melibatkan MPS wakil NGO dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Lawatan ini telah berjaya mengenalpasti beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi menyediakan kemudahan OKU di setiap perhentian bas di kawasan MPS.

Sesi ini juga berjaya mendapatkan input-input yang berguna daripada NGO OKU bagi merancang pembinaan perhentian-perhentian bas yang akan dibina pada masa hadapan.



## PROGRAM 'MASIH ADA YANG SAYANG'

**PROGRAM** "Masih Ada yang Sayang" bersama penghuni Pusat Jagaan Warga Tua Sri Tanjung, Kuang telah diadakan pada 12 Ogos 2012.

Pada majlis tersebut, MPS telah memberikan sumbangan dalam bentuk barang keperluan asas dan wang tunai serta duit raya kepada setiap penghuni pusat penjagaan ini. Selain itu, turut disampaikan sumbangan-sumbangan daripada orang perseorangan yang telah sudi menghulurkan sumbangan ikhlas kepada semua warga pusat jagaan ini.

Pusat Jagaan Warga Tua Sri Tanjung merupakan sebuah pusat penjagaan yang memberikan perlindungan dan penempatan kepada 30 orang warga emas yang berusia 40 tahun ke atas. Kebanyakan penghuni pusat jagaan ini menghidap penyakit yang memerlukan penjagaan profesional sepenuh masa seperti strok, kencing manis dan alzheimer.



Imbas kod QR ini untuk lebih banyak gambar pertandingan nasyid MPS



## BHGN. URUSETIA *Johan Nasyid MPS*

**PERTANDINGAN** Nasyid anjuran Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan telah diadakan pada 21 September 2012 .

Pertandingan itu telah dirasmikan oleh Dato' YDP telah disertai oleh 9 kumpulan dari Jabatan-jabatan di MPS.

Johan Pertandingan Nasyid telah dimenangi oleh Kumpulan El-Hubbul Haqiqi dari Bahagian Urusetia, tempat kedua Jabatan Penilaian dan ketiga Jabatan Kejuruteraan.

## PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

**SAMBUTAN** hari kemerdekaan ke-55 tahun peringkat Negeri Selangor meriah apabila lebih dua ribu rakyat negeri ini membanjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam, . Sambutan yang bertemakan Sebangsa, Senegara, Sejiwa telah dapat memenuhi semangat perpaduan serta keharmonian apabila pelbagai kaum tanpa mengira agama serta umur hadir untuk menyambut ambang kemerdekaan.

Seramai 50 orang kakitangan MPS telah mengambil bahagian dalam acara perbarisan.

Tepat jam 12 malam, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah melaungkan 'merdeka' sebanyak tujuh kali disertai dengan percikan bunga api di ruang udara bandar Shah Alam.

## Kejohanan Golf Selangor Master Tahun 2012 **MPS SUMBANG RM50,000**



**MAJLIS** Perbandaran Selayang telah berbesar hati untuk menaja sebanyak RM 50,000 untuk Worldwide Holdings Selangor Masters 2012 yang berlangsung di Kota Permai Golf & Country Club. Kejohanan yang menawarkan hadiah bernilai keseluruhan RM1.2 juta telah berjaya menarik seramai 156 pemain golf profesional dari serata dunia seperti Amerika Syarikat, India, Australia, China, Taiwan, Filipina dan Finland. Untuk pertama kalinya kejohanan kali ini akan dipancarkan secara langsung di lebih 200 buah negara dan kira-kira 650 juta penonton akan menyaksikan acara berprestij ini

### **PeBT MPS JUARA**

#### Pertandingan Bubur Lambuk

**KERAJAAN** Negeri Selangor melalui Pejabat Pengerusi Tetap Adat Resam Melayu, Belia Dan Sukan bersama Bahagian Pembangunan Belia, Majlis Sukan Negeri Selangor telah mengadakan program Iftar dan Tazkirah Ramadhan serta Pengedaran Bubur Lambuk bertempat di Dataran Kemerdekaan, Persiaran Bandaraya Shah Alam pada 11hb. Ogos 2012 yang dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor.

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Perbandaran Selayang telah memenangi Johan, Naib Johan & tempat ke-5 dalam pertandingan Bubur Lambuk.



### **FESTIVAL JALANAN & FESTIVAL SILAT**

#### Daerah Gombak 2012

**PROGRAM** ini merupakan Program Festival Jalan Peringkat Daerah Gombak seperti yang dirancang oleh STANCO Kebudayaan Negeri Selangor bagi tahun 2012. Program yang diadakan pada 23 September 2012 di Dataran Bandar Baru Selayang ini bertujuan untuk mengangkat martabat seni persilatan ke peringkat yang lebih tinggi di samping dapat memelihara seni Warisan persilatan.

Sebanyak 7 buah persatuan iaitu Gayung Malaysia (PSSGM), Gayung Pusaka, Silat Sendeng, Gayung Fatani, Gayung Makrifat Lian Padukan dan Silat Penjurit yang dijemput untuk menyertai festival ini. Antara pengisian program ini adalah persembahan tarian silat, demo persembahan silat dan pertandingan seni silat.

Tetamu kehormat pada program tersebut adalah Dato' Menteri Besar Selangor. Selain Festival Silat program ini turut menyelitkan program Festival Jalan di mana adanya Pertandingan Sukan Rakyat, Pertandingan Kompang (terbuka), Pertandingan Seni Fotografi Festival Jalan serta Persembahan Kebudayaan.

